

Lol UniMAP-UCMM Bakal Penuhi Keperluan PdP Kedua-Dua Institusi

Oleh: Ainulniza Mohd Yusof

PAUH PUTRA, 5 Oktober 2021 – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menandatangani Surat Hasrat (Lol) dengan UCMM Konsortium Sdn Bhd (UCMM) bagi menjalinkan kolaborasi dalam memenuhi keperluan maklumat pengajaran & pembelajaran (PdP) serta penyelidikan kedua-dua institusi.

UniMAP diwakili Naib Canselornya, Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli manakala UCMM diwakili Ketua Umum yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah UCMM Konsortium Sdn Bhd dan Lembaga Pengarah Universiti Muhammadiyah Malaysia (UCMM), Prof. Dr. Haedar Nashir.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Kolej Islam Perlis (KUIPs) Datuk Prof. Emeritus Dr Kamarudin Hussin, Ahli Lembaga Pengarah UCMM, Datuk Prof Dr Mohd Noh Dalimin, Pengerusi Lembaga Pengelola UCMM Prof Dr. Bambang Setiaji, Rektor Universiti Muhammadiyah Malaysia Prof Madya Dr. Waluyo Adi Siswanto, Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP dan Pegawai-pegawai Utama UniMAP.

Prof Dr Zaliman berkata, kerjasama antara UniMAP menerusi Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (FTSFP) itu akan memberi fokus kepada penawaran sumber maklumat ilmiah berkualiti bagi aktiviti PdP dan penyelidikan.

Ujarnya, selaras dengan PdP dalam talian, PTSFP menawarkan akses kepada jutaan teks penuh bahan ilmiah digital.

“Malahan, enjin carian Worldcat Discovery berkeupayaan merayap ke seluruh 79,000 perpustakaan seluruh dunia yang berupaya mengesan sumber maklumat ilmiah dalam pelbagai bidang yang dihasilkan para ilmuan dan penyelidik seluruh dunia,” katanya.

Tambah beliau, sistem Repositori Digital di PTSFP juga memuatkan teks penuh tesis dan disertai UniMAP, kertas artikel dan penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik UniMAP.

“Perkara ini dapat memudahkan pensyarah UniMAP mahupun dosen UCMM untuk mendapatkan bahan bagi aktiviti PdP di kedua-dua institusi dengan lebih mudah dan dicapai dari serata lokasi,” kata beliau.

UCMM adalah syarikat yang menubuhkan Universiti Muhammadiyah Malaysia yang diluluskan penubuhannya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada Ogos 2021. Untuk rekod, universiti swasta itu mula ditubuhkan pada 1 Mac 1981 di Yogyakarta, Indonesia.